

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HJ. SALLEH
[PASIR PUTEH]**

TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan statistik penglibatan dan impak pasca COVID-19 ke atas usahawan dalam bidang perkhidmatan secara sentuhan fizikal seperti pusat rehabilitasi, spa, perkhidmatan latihan kecergasan peribadi dan perkhidmatan dandanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula sejak 18 hingga 31 Mac 2020 sehingga kini. Berikutan pelaksanaan tempoh PKP tersebut, kebanyakan perniagaan terpaksa ditutup kecuali hanya sektor-sektor tertentu yang dibenarkan beroperasi secara berperingkat. Usahawan yang terlibat dengan penyediaan perkhidmatan melibatkan sentuhan fizikal merupakan antara yang terjejas teruk memandangkan sektor ini berisiko untuk meluaskan penyebaran wabak sekiranya tidak mengikut *Standard of Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, operasi perniagaan yang melibatkan sentuhan fizikal baru sahaja dibenarkan beroperasi pada 10 Jun 2020 setelah hampir tiga (3) bulan terpaksa menutup premis.

2. Situasi ini memberi kesan kepada para usahawan di mana ada di antara mereka yang tidak mampu membayar sewa premis, membayar gaji pekerja serta membayar pinjaman sedia ada dengan pihak penyedia kewangan. Berdasarkan rekod, seramai 5,265 orang usahawan yang menjalankan bidang perkhidmatan secara sentuhan fizikal yang terdiri daripada pelbagai jenis aktiviti perniagaan.

Sekian, terima kasih.